

22 NOV 1999

DR MAHATHIR LAWAT SABAH ESOK

KOTA KINABALU, 22 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir akan berada di Sabah esok untuk lawatan singkat ketika kempen pilihan raya umum ke-10 sedang hangat berlangsung di negeri ini.

Menurut kenyataan Bahagian Istiadat dan Protokol Jabatan Ketua Menteri di sini, beliau dijadual tiba di terminal dua Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini pada kira-kira pukul 3.30 petang.

Sejurus tiba beliau akan ke Kinarut, kira-kira 50km dari sini untuk melakukan pecah tanah pembinaan markas Batalion Ke-16 Briged Sabah Pasukan Gerakan Am (PGA).

Pada sebelah malam beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) akan menghadiri majlis makan malam dengan ketua-ketua parti komponen BN Sabah di sini sebelum bertemu jentera pilihan raya bagi kawasan Parlimen Papar, Penampang, Gaya, Tanjung Aru, Tuaran, Kota Belud, Kinabalu dan Beaufort.

Beliau dijangka mengadakan persidangan berita pada kira-kira pukul 9 malam di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebelum berlepas ke Kuching, Sarawak untuk meneruskan lawatan di sana.

-- BERNAMA

JS RON